

MPP 1 Malaysia Anjur Majlis Makan Malam Dan Kemahasiswaan

Oleh : Nurul Filzah Satarud

SELASA, 19 MAC – Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah (MPPUMS) telah melaksanakan satu program yang dikenali sebagai Program 160 Hari Bersama MPP pada di Perkarangan Perpustakaan Induk untuk mendekatkan lagi hubungan antara pelajar UMS bersama MPP.

Menurut Presiden MPP,saudara Mohammad Juhar Harun, program julung kali di UMS juga diadakan untuk memberikan pendedahan

kepada mahasiswa tentang aspek kebajikan yang dilakukan oleh pihak MPP serta penerimaan aduan dari kalangan mahasiswa tentang kebajikan MPP.

“Kami menyahut cabaran pihak UMS untuk mengadakan program ini di samping memaparkan hak kemahasiswaan yang telah diadakan oleh mahasiswa-mahasiswa kepada kami,”katanya.

Sepanjang sehari program ini berlangsung,terdapat pelbagai pengisian telah dilakukan seperti

cabutan tiket bertuah,kaunter aduan dan soal selidik dan sesi bersama MPP UMS bagi memberi peluang kepada para pelajar untuk mendekati wakil MPP dengan lebih rapat lagi.

Cenderahati berupa baucer kupon KFC dan PIZZA HUT, Buletin MPP UMS “By Your Campus”, book mark 160 Hari Bersama MPP UMS dan Button Batch 160 Hari Bersama MPP UMS turut diberikan kepada mahasiswa yang datang berkunjung sebagai tanda terima

kasih atas sokongan mereka terhadap MPPUMS selama ini.

“Saya mengharapkan program ini akan berterusan pada masa akan datang dan kami sedia turun padang untuk mendekatkan diri dengan mahasiswa-mahasiswa UMS di samping sokongan yang diperlukan dari mereka untuk kami terus memperjuangkan hak kemahasiswaan tersebut”,ujarnya lagi mengakhiri perbualan.